

SEKATA

Jurnal Pembinaan Bahasa dan Persuratan
Majlis Bahasa Melayu Singapura
Julai 2004

Sukarnya Memahami Puisi Moden Yang
Bermutu

Keterampilan Bahasa Lambang
Keunggulan Jati Diri

Pantun : Cerminan Tasawwur
Masyarakat Melayu

Liputan Khas



Karyawan Persuratan Singapura

"Pada hakikatnya, matinya seorang penyair yang penting bukanlah mesti berkubur semua puisinya. Malah puisi-puisi yang bernilai akan terus hidup maju mengubah selera generasi yang akan datang. Dan puisi-puisinya itu makin meresap ke dalam kehidupan, sambil 'menyapa' penyair-penyair yang hasil puisi-puisinya memuaskan kehendak umat manusia yang berhak."



MASURI S.N. atau nama asalnya Masuri Bin Salikun dilahirkan pada 11 Jun 1927 di Singapura.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Teluk Kurau dan Geylang dari tahun 1933 hingga 1940. Beliau menjadi guru pelatih di Singapura hingga tahun 1946. Dari tahun 1946 hingga 1949, beliau melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Sesudah lulus dari MPSI, Masuri pulang ke Singapura dan menjadi seorang pendidik, sementara pada sebelah malamnya mengikuti kelas bahasa Inggeris di Mercantile Institution dan C.Y.M.A. College. Jawatan terakhir beliau ialah guru besar sekolah rendah yang disandang dari tahun 1971 sehingga beliau bersara pada 12 Jun 1981.

Sajak terawal beliau berjudul "Ros Kupuja", dan "Bunga Sakura" terbit di Singapura pada zaman pendudukan Jepun dalam akhbar Berita Malai, 5 September 1944. Kini beliau merupakan Ketua 1 Angkatan Sasterawan 50. Masuri S.N. merupakan seorang penyair prolific mulai tahun-tahun 40'an hingga kini. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 1000 kuntum sajak.

Masuri mula menulis sajak pada usia 17 tahun ketika zaman Jepun. Masuri banyak menyumbang sajak, yang banyak dimuatkan di dalam akhbar. Kekreatifan and inovatif beliau jelas terserlah apabila beliau berjaya menerbitkan sajak-sajak nasionalistik semasa zaman pemerintahan Jepun. Beliau menggunakan diksi-diksi bahasa Jepun di dalam sajak-sajaknya untuk 'mengambil hati' pihak Jepun supaya lulus saringan Jepun. Kehadiran penyajak seperti Masuri S.N. inilah yang menyedarkan masyarakat akan kepentingan kesedaran kebangsaan terutamanya bahasa, bangsa dan agama.

Ketokohan Masuri terserlah dalam penilaian beliau terhadap sastera, khususnya sajak, yang dilihat sebagai bahan untuk menguatkan semangat bangsa dan negara. Beliau menekankan peri pentingnya berkarya secara spiritual agar wujud kebenaran. Maka sesebuah karya itu semestinya dilengkapi dengan unsur keilmuan, kesasterawanan, pengalaman dan muhasabah.

Darihal keilmuan, Masuri merujuknya kepada pembacaan yang luas sebelum seseorang itu berkarya agar

pengetahuan penulis itu lengkap dan relevan dengan konteks penulisan serta zamannya. Kesasterawanan pula merujuk kepada sikap profesional yang harus ada dalam diri penulis agar akur kepada peraturan berkarya dan penerbitan. Penulis tidak seharusnya memanipulasi *licencia Poetica* yang diberikan kepada mereka untuk kepentingan sendiri ataupun meracuni jiwa pembaca. Pengalaman merupakan satu komponen utama dalam penulisan. Maka penulis seharusnya peka akan keadaan kesekitaran dan pembangunan yang sedang berlaku.

Pemikiran Masuri memang berbekalkan pengalaman yang menjadi pelantar kepada penghasilan karya-karyanya. Prof. Abdullah Hassan, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) semasa membaca watak penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan kepada Dr Masuri Salikun pada tahun 2003 menyatakan : "Dalam dunia sastera, nama Masuri akan dikenang sepanjang zaman. Beliaulah yang membawa pembaharuan ke dalam puisi Melayu ... Sajaknya mengalir terus. Itu sifat pejuang. Setiap satu antologi itu memperjuangkan tema yang dirasanya pada zaman itu." Pengalaman ini dimanifestasikan dalam penulisan beliau yang multi-genre meliputi sajak, cerpen, esei dan kritikan.

Hadiah dan Anugerah

- 1963 - Bintang Bakti Masyarakat (BBM), Pemerintah Singapura
- 1980 - Southeast Asia Write Award, Bangkok.
- 1990 - National Book Development Council of Singapore (poetry award) First Prize.
- 1995 - Anugerah Tun Seri Lanang, Majlis Bahasa Melayu Singapura.
- 1995 - Asean Cultural Award (Literature)
- 1995 - Anugerah Pencapaian Cemerlang (50 tahun pencapaian persuratan), Singapore Muslim Community.
- 1996 - Literary Award, Mont Blanc (recognition for contribution to Singapore Malay literature), Centre for the Arts, National University Singapore.
- 2000 - Pingat Jasa Gemilang, Pemerintah Singapura.
- 2002 - Anugerah Suluh Budiman, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- 2002 - Anugerah Dharma Bakti, GAPENA.
- 2002 - Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Ruangan ini memaparkan karyawan persuratan Singapura. Liputan ini dimulakan dengan sumbangan para penerima Anugerah Tun Seri Lanang yang diberikan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura. Masuri SN merupakan penerima kedua anugerah ini pada tahun 1995. Bahan ini telah disesuaikan daripada Pengantar Buku "Suasana Senja" terbitan Asas 50, "Sebutir Suara" terbitan Persatuan Wartawan Melayu Singapura (1998) dan artikel-artikel yang berkenaan. Potret oleh Sharini bte Shamsuddin.

SEKATA

Jurnal Pembinaan Bahasa dan Persuratan
Majlis Bahasa Melayu Singapura
Julai 2004
ISSN 0217-4627

PENGISIAN

Daripada Editor	3
Peristilahan	5
Menjana Bangsa Kreatif Melalui Bahasa <i>Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz</i>	6
Cabaran Evolusi Bahasa <i>Ucapan Dato' A. Aziz Bin Deraman</i>	14
Bahasa Lambang Identitas Bangsa <i>Ucapan Dr Dendy Sugono</i>	15
Gerbang Bahasa Pemasyarakat Istilah <i>Ucapan Haji Abu Bakar Bin Haji Zainal</i>	17
Sukarnya Memahami Puisi Moden Yang Bermutu : Satu Tanggapan <i>Dr Masuri Salikun</i>	18
Bicara Bahasa	20
Liputan Khas Sambutan Bulan Bahasa 2004	24
Keterampilan Bahasa Lambang Keunggulan Jati diri <i>Muhd Ariff Ahmad</i>	41
Pantun : Cerminan Tasawwur Masyarakat Melayu <i>Mohamad Ali Hanifiah Abdullah</i>	45
Keterampilan Bahasa Melayu Merentasi Zaman dan Disiplin <i>Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz</i>	55

EDITOR

Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz

PENTADBIRAN

Mohd Agos Bin Atan
Drs Masran Sabran

**PENGERUSI**

Yatiman Yusof

TIMBALAN PENGERUSI

Hawazi Daipi

NAIB PENGERUSI

Prof Madya Shahrudin Maaruf

SETIAUSAHA KEHORMAT

Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz

PENOLONG SETIAUSAHA

Mohd Agos Bin Atan

BENDAHARI

Drs Masran Sabran

JAWATANKUASA

Harun A Ghani

Isa Kamari

Ibrahim Hassan

Ma'mun H M F Suheimi

Mohd Naim Daipi

Prof. Madya Hadijah Rahmat

Dewani Bte Abbas

Zakiah Bte Halim

Rhazaly Noentil

Norulashikin Bte Jamain

Pairah Bte Satariman

DEWAN PENASIHAT

Yatiman Yusof (Pengerusi)

Sidek Saniff

Wan Hussin Zoohri

Muhammad Ariff Ahmad

Dr Masuri Salikum

Prof. Mayda Kamsiah Abdullah

Dr Liaw Yock Fang

Abdul Ghani Hamid

SEKATA diterbitkan tiga kali setahun oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Kementerian Penerangan, Perhubungan Dan Kesenian Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan meminda setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini tidak semestinya merupakan pendapat MBMS dan Sidang Editor. @ Hakcipta Terpelihara. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali atau ditayangkan dalam sebarang bentuk dengan syarat mendapat kebenaran daripada Pengerusi MBMS atau Sidang Editor. Surat-surat boleh dialamatkan kepada :

Setiasaha Kehormat

Majlis Bahasa Melayu Singapura

Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian

MITA Building, #02-02

140 Hill Street, Singapura 179369

Emel : agos_mohd@mita.gov.sg

DARIPADA EDITOR**MABBIM 2004**

Bahasa Melayu di Singapura berkembang sejajar dengan bahasa Melayu Nusantara kerana penglibatan aktif Majlis Bahasa Melayu Singapura dalam aktiviti kebahasaan dan persuratan yang diselenggarakan Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM). Maka keluaran jurnal Sekata kali ini merakamkan satu ulasan lengkap kertas kerja-kertas kerja yang disampaikan dalam Seminar Bahasa dan Sastera 2004. Ucapan-ucapan daripada para ketua perwakilan Malaysia, Indonesia dan Brunei juga dimuatkan untuk rujukan pembaca. Persidangan tahun ini menyaksikan usaha meningkatkan kreativiti bangsa melalui bahasa dengan pendekatan yang lebih holistik.

Sidang MABBIM yang berlangsung pada bulan Mac tahun ini juga telah bertekad mencalonkan Sasterawan prolifik Indonesia, Pramoedya Ananta Toer untuk hadiah Nobel. Sidang juga bersetuju agar lebih banyak penerbitan antologi diadakan termasuk karya-karya dari Singapura. Usaha seumpama ini wajar memandangkan sayap Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kini melewati semua kawasan di Indonesia dengan kehadiran perwakilan dari 17 daerah di Indonesia bagi persidangan MABBIM kali ini. Di Indonesia terdapat 32 daerah. 5 lagi daerah sedang dalam proses serapan ke dalam sayap DBP.

MABBIM juga akan melakarkan panduan bagi penulisan akademik memandangkan mutu penulisan akademik dewasa ini amat lemah walaupun terdapat pakar dalam menjalankan kajian. Prof. Asmah (Malaysia) menyarankan agar ia dilakukan mengikut cara pribumi yakni berteraskan penghasilan berpaksikan pribumi iaitu dalam acuan sendiri. Selama ini perkara ini dilakukan oleh para pengkaji barat yang datang ke Nusantara dan akhirnya menghasilkan teori-teori "mereka" berpaksikan bahan pribumi Nusantara. Maka tradisi ini perlu diubah dengan pribumi sendiri mengkaji dan menghasilkan teori-teori mereka.

Terjemahan bahan-bahan Melayu ke dalam bahasa asing yang lain juga perlu dipergiatkan. Cara ini dapat menyenaraikan lebih banyak buku-buku pribumi di persada antarabangsa. Ini telah dilakukan oleh pihak Indonesia. Maka satu panduan terjemahan berpaksikan pribumi perlu dihasilkan untuk mempercepatkan lagi proses penterjemahan ini.

Mengenai perkamusan, wakil unit perkamusan DBP Malaysia menjelaskan bahawa menurut garispandu yang ditetapkan; kata yang digunakan oleh tiga orang penulis yang berbeza dalam tiga bidang yang berbeza akan diterima sebagai masukan ke dalam kamus. Sesuatu istilah yang khusus pula akan dimasukkan ke dalam kamus umum apabila ia menjadi kata umum kesan daripada penggunaannya yang meluas secara umum.

Mengenai proses peristilahan, Prof. Asmah menjelaskan bahawa perlu difahami dahulu makna sesuatu kata itu dengan mendalam dalam menghasilkan istilah, bukan dilakukan secara wewenang. Perlu dirujuk kepada etimologi dan ilmu penterjemah. Maka dalam mencipta istilah-istilah dalam bidang Islam, misalnya, perlu ada pakar dalam bahasa Parsi, Urdu dan Turki. Kesimpulannya, perlu balik kepada taksonomi dan perlu kefasihan dalam bahasa Melayu dan bahasa asing.

Prof. Asmah menekankan perlunya kertas kerja-kertas kerja yang disampaikan dalam seminar bersifat memberi ilmu dan pengetahuan yang lebih kepada para peserta. Beliau sarankan supaya kertas kerja-kertas kerja akan datang perlu disesuaikan dari segi pemikiran. Perlu ada kertas kerja yang dihasilkan berlandaskan teori dan ilmu.

Prof. Abdullah Hassan (Malaysia) menjelaskan bahawa masyarakat timur sering terdedah kepada berbagai pengaruh bahasa lain melalui ledakan teknologi maklumat. Maka melalui bahan bahasa dan sastera, kita dapat kekalkan jati diri. Setelah 10 tahun, kita dapat menilai semula sama ada kita sudah mengalami perubahan setelah mengalami berbagai pengaruh dan perubahan itu. Contoh seumpama ini boleh direalisasikan dengan melihat pandangan dunia masyarakat atau menggunakan teori kognitif dan lain-lain. Kesimpulannya, ia harus dilakukan berdasarkan kajian dan diaplikasikan.

Datuk Aziz Deraman (Ketua perwakilan Malaysia) mengumumkan bahawa MABBIM menggalakkan penyampaian kertas kerja oleh pakar dan pelapis. Namun demikian, kertas kerja perlu diselidiki perwakilan masing-masing agar ia lebih bersifat meninggalkan kesan dan satu pemikiran.

Sambutan Bulan Bahasa 2004

Sekata kali ini membuat liputan lengkap mengenai sambutan Bulan Bahasa tahun ini dengan mengisi banyak maklumat mengenai aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan serta rencana-rencana yang ditulis khas bagi sambutan ini. Tiga rencana mengenai tema 'Keterampilan Bahasa' dengan slogan 'Baku Bahasaku' menyentuh konsep kemampuan dan kecekapan berbahasa Melayu serta kedinamikan bahasa Melayu dalam peredaran zaman dan kepelbagaian disiplin. Namun demikian, jati diri bahasa Melayu itu sendiri jelas terpancar dalam keterampilan pantunnya. Sebagai satu usaha mendokumentasikan aktiviti Bulan Bahasa, sambutan Bulan Bahasa pada musim lalu iaitu 2002 telah dimuatkan untuk rujukan bersama.

MPG

PERISTILAHAN

Istilah MABBIM

SUMBER

shuttle bus
slow cooker
steamboat
studio apartment
summer camp
talkshow
tea garden
teleconference
theatrette
touch screen
waiter/waitress
waterfront
back drop
bungee jumping
check-in
check-out
civil society
clearance sale
user friendly
countdown
cybercafe
facial scrub
feeder bus
fitting room
flat
franchisee
front office
function room
home entertainment
home theatre set
homestay
homestead
information literacy
jumbo sale
lakeside
lounge
penthouse
resort
roadshow
wireless

SASARAN

bas ulang-alik
periuk unyai
stimbot
pangsapuri studio
kem bina diri
bicarawara
ujana teh
telesidang
teater mini
skrin sentuh
pramusaji / pelayan
pinggir air
latar pentas
terjun lelabah
daftar masuk
daftar keluar
masyarakat madani
jualan perabis
mesra pengguna
kira detik
kafe siber
penyental muka
bus pengantara
bilik acu
rumah pangsa
penerima francais
pejabat depan
bilik majlis
hiburan rumah
set pawagam rumah
pelancongan desa
teratak desa
celik maklumat
jualan raksasa
pinggir tasik
peristirahatan
megapuri
peranginan/ persantaian
jerayawara
nirwayar

MENJANA BANGSA KREATIF MELALUI BAHASA¹

Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz

Globalisasi dan Citra Pribumi

Prof. Dr. Hashim bin Musa² (Malaysia) dalam menyampaikan kertas utama beliau menjelaskan bahawa peningkatan peradaban dimangkin oleh kepandaian mengolah, mengguna dan menjana segala sumber. Sementara kejatuhan sesebuah peradaban itu disebabkan oleh keretakan dalaman dan pencerobohan luaran.

Kini globalisasi dan fahaman barat menjana fahaman sekular dan liberal. Hegemoni falsafah barat menimbulkan kesan negatif dan positif. Positif dari segi pembangunan; misalnya di negara-negara seperti India, Pakistan, Bangladesh, Filipina dan Singapura yang mengamalkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu tinggi. Negatif pula dari segi kesan pencapaian yang berbeza iaitu golongan elit yang lebih maju sedangkan golongan lain khususnya bawahan yang menjadi majoriti rakyat sebuah negara itu terus keterbelakang kerana tidak mampu mengikuti pengantar dalam bahasa asing selain bahasa jati mereka sendiri. Ini juga disebabkan oleh kelemahan infrastruktur yang tidak dapat mencapai rakyat di kawasan pedalaman. Akhirnya, mereka terus keterbelakang dan ketinggalan.

Prof. Hashim mencadangkan bahawa usaha harus dijalankan untuk membina solidariti bangsa Melayu kerana kini terdapat suku bilion penutur bahasa Melayu di muka bumi ini. Ini boleh dilakukan dengan berprinsipkan 3 nilai iaitu *Salam* (bertegur-sapa), *Taam* (menjemput dan menjamu) dan *Kalam* (interaksi, mesyuarah dan ijma'). Maka penting dieratkan lagi kerjasama antara negara-negara anggota MABBIM. Usaha juga perlu dilakukan untuk menerbitkan jurnal antarabangsa di luar negeri bagi bahasa Melayu.

Beliau menekankan perlunya menyampaikan ilmu dalam bahasa Ibunda untuk mengekalkan jati diri. Usaha sebenar sesebuah negara bukannya membina kelas elit tetapi membina kelas menengah dari segi ilmu pengetahuan dan profesionalisme kerana ini yang berlaku di barat. Kesannya, pengajaran bahasa Inggeris sebenarnya menguntungkan orang-orang bandar, bukan luar bandar. Secara kebetulan, penduduk kawasan luar bandar di Malaysia lebih banyak orang Melayu. Contohnya, di Bangladesh, golongan elitnya kaya raya sedangkan rakyat majoritinya miskin. Akibatnya, negara menjadi miskin.

Prof. Hashim menjelaskan bahawa humanisme meletakkan manusia sebagai penentu segala-galanya. Ini bertentangan dengan Islam iaitu manusia tidak berkemampuan menentukan segala-galanya. Rationalisme pula menekankan bahawa akal menentukan kebenaran. Ini bertentangan dengan nilai. Namun demikian, rationaliti boleh diterima kerana ia tidak bersifat ekstrem. Sementara pragmatisme ekstrem pula mementingkan keuntungan mendadak. Kesimpulannya, pragmatisme ekstrem dalam konteks perealisasikan pengajaran, pembelajaran dan kebudayaan bahasa Inggeris akan berlaku antara golongan elit dan yang lain-lain kerana jurang sosial.

Prof. Dr. Shaharir bin Mohamad Zain³ (Malaysia) menyentuh kepentingan memartabatkan bahasa Ibunda dalam mempelajari ilmu. Negara Itali dikatakan paling maju kerana penggunaan bahasa Latin sangat akrab dengan mereka. Malahan orang-orang Inggeris sampai kini masih menterjemah ilmu sains daripada Perancis dan German. Kekuatan bahasa Latin begitu berpengaruh sehingga pernah timbul polemik di London sama ada hendak menggunakan bahasa Inggeris atau Latin dan Perancis. Di Jepun pula, bahasa Inggeris digunakan untuk bidang kemanusiaan sahaja. Rusia menggunakannya untuk bidang ketenteraan dan German menggunakannya untuk bidang Sains dan Teknologi. Pemimpin-pemimpin Islam juga menyuruh pengikutnya belajar ilmu dalam bahasa Arab kemudian menterjemahkannya ke dalam bahasa lain.

Inggeris sebenarnya menterjemah banyak ilmu daripada bahasa-bahasa lain khususnya Perancis dan German. Beliau merumuskan bahawa seseorang yang ingin menjadi sarjana, perlu mengukuhkan apa yang ada di dalam (jati diri) dan bertembung dengan yang luar kerana mengikut De Bono, *input* hanya muncul kerana adanya pertembungan di dalam kepala kita.

Beliau selanjutnya menggunakan contoh pertandingan 'Olimpiad' yang membuahkan keputusan menarik iaitu 10 negara teratas merupakan negara-negara yang menggunakan bahasa Ibunda untuk mengajar ilmu-ilmu yang dipertandingkan seperti matematik, sains, teknologi maklumat, biologi dan lain-lain. Begitu juga dengan penerima hadiah nobel. Sejak tahun 1900, daripada 139 penerima, hanya 60 penerima sahaja yang menggunakan bahasa Inggeris. Namun demikian, latar mereka sebenarnya bukan Inggeris tetapi Perancis, German dalam lain-lain. Ramai juga yang menerima hadiah tersebut tidak tahu bahasa Inggeris. Beliau menyimpulkan bahawa sebenarnya bahasa kita sendiri yang menjadikan kita kreatif.

Prof. Dr. Aziz bin Deraman⁴ (Malaysia) menjelaskan bahawa kini terdapat bahasa ultra seperti SMS yang dianggap sebagai perkembangan bahasa Melayu internet atau elektronik. Usaha gigih dalam menjadikan negara bestari dapat dilihat di Karala (India) yang ingin menterjemahkan semua laman Web yang ada ke dalam bahasa Malayalam. Malaysia juga sedang dalam proses pembudayaan ICT (*Information and Communication Technology*) dan teknologi multimedia dengan menterjemahkan perisian ke dalam bahasa Malaysia. Namun demikian, usaha tersebut kini dipersoalkan dengan penggunaan bahasa Inggeris di Malaysia.

Malaysia sedang berusaha menghubungkan masyarakat dengan teknologi atau *bridging digital divide*. Satu usaha yang sedang giat ialah *Community Computing* yang menyentuh aspek sosial yakni melibatkan masyarakat. Antara teknologi yang dikembangkan ialah nirwayar (tanpa wayar). Beliau juga menekankan bahawa kesedaran mengenai kepentingan bahasa Melayu sangat penting dalam dunia pembangunan pengkomputeran untuk memastikan kawasan luar bandar tidak ketinggalan.

Dr. I Nyoman Dharma Putra⁵ (Indonesia) menerangkan bahawa Bali tidak terjejas oleh masalah ekonomi yang menjejaskan negara Indonesia kerana pelancongan. Nilai agama yang kuat dan toleransi antara etnik di Bali memelihara keharmonian. Ini juga disumbang oleh sastera. Cerita-cerita panji hidup subur di Bali. Namun demikian, sastera tradisional dianggap tidak asli kerana bersifat ciplak. Sastera di Bali bersifat multikultural kerana telah datang ke Bali dan dikembangkan dalam bahasa Jawa dan disebarluaskan dalam bahasa Ibunda. Namun demikian, sastera juga

¹ Penulisan ini merupakan ulasan Setiausaha kehormat Majlis Bahasa Melayu Singapura terhadap kertas kerja-kertas kerja yang disampaikan di Seminar Bahasa dan Sastera yang diadakan di Kuala Lumpur sempena persidangan MABBIM ke 43 dan Mastera ke 9 pada 8-13 Mac 2004. Seminar ini telah menghasilkan 13 kertas kerja daripada Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

² Kertas kerja bertajuk "Penjanaan Dan Pembudayaan Kreativiti Bangsa Malaysia Melalui Bahasa Melayu : Perjuangan Yang Belum Selesai"

³ Kertas kerja bertajuk "Peranan Bahasa Sendiri Dalam Pembangunan Sains Sepanjang Zaman."

⁴ Kertas kerja bertajuk "Mempromosi Kreativiti Bangsa Melalui Pengkomputeran Komuniti"

⁵ Kertas kerja bertajuk "Sastera Dan Dinamika Masyarakat Multikultural : Pengalaman Bali"

digunakan dalam bahasa Melayu yang dianggap sebagai moden. Kesannya, lahir bahasa rojak kerana ada campuran bahasa Melayu dan bahasa Bali. Ceritera San Pek In Tai disampaikan dalam bahasa Indonesia walaupun di Bali. Ia juga dipentaskan dan diterima sebagai milik Bali walaupun ia berasal dari negara Cina. Maka identiti Bali sudah multikultural yakni tiada lagi identiti khusus. Beliau merumuskan bahawa perlu dimanfaatkan lintas budaya demi menghasilkan lebih banyak proses kritikan.

Dr. I Nyoman Dharma Putra juga menjelaskan bahawa dalam menangani masalah pengaruh globalisasi yang negatif, Bali kini mempunyai kempen; “Ajak Bali – Bali yang Kukuh”. Ini merupakan usaha memelihara Bali daripada pengaruh luar. Dalam sastera pula, banyak kisah-kisah yang dipaparkan menonjolkan watak-watak orang Bali sebagai lebih kuat dan berkuasa daripada orang barat. Sering hubungan antara sepasang kekasih Bali dan barat tidak akan berakhir dengan perkahwinan kerana orang Bali tetap akan memilih orang Bali untuk dijadikan suami atau isteri. Terdapat unsur etnosentrik dalam menjaga identiti.

Prof. Dr. Budi Darma⁶ (Indonesia) menekankan pentingnya simbol (seperti Dewan Bahasa dan Pustaka) sebagai pemelihara bahasa dan bangsa. Beliau juga menyarankan agar diberi keutamaan kepada minda sekaligus menekankan kepentingan pendokumentasian atas alasan mata pena itu lebih tajam daripada mata pedang. Dari perspektif nilai pula, beliau menjelaskan bahawa estetika itu perlu ditunjangi nilai. Jika tidak, ia adalah kosong semata. Maka perlu diadun kreativiti dan moral kerana ada ‘tangan-tangan’ lain yang menentukan nilai estetika.

Prof. Budi mengungkapkan bahawa sastera adalah saudara kembar siam filsafat kerana sastera adalah sebuah pemikiran yang berjejak di bumi nyata. Filsafat tidak akan memberikan atau memecahkan masalah. Ia akan melahirkan persoalan-persoalan semata agar dapat dinilai atau direnungi sendiri oleh pembaca. Menurut beliau, sebuah karya yang baik tidak memberi *judgement* atau menghukum. Moral yang baik dalam sastera adalah yang terlindung atau tidak eksplisit.

Kreativiti

Sasterawan Negara Prof. Madya Dr. Syed Othman bin Syed Omar⁷ (Malaysia) menekankan pentingnya kreativiti dalam berkarya untuk menanam sesuatu pengaruh secara tidak langsung seperti yang berlaku dalam novel-novel Ishak Haji Muhammad iaitu “Putera Gunung Tahan” dan “Anak Mat Lela Gila”. Kedua-dua novel tersebut menyampaikan perutusan nasionalisme tetapi dilakukan dengan licik sekali sehinggakan pihak British ketika itu tidak menyedarinya. Peranan perlambangan sangat penting dalam karya-karya satira. Maka perlu difikirkan cara atau lambang yang berkesan dalam menjana kreativiti bangsa.

Novel Pak Sako akhirnya diharamkan setelah pihak British diberitahu oleh seorang kerani Melayu tentang isi novel tersebut dan implikasinya. Ini membuktikan kepentingan kemampuan dan peranan bahasa pribumi dalam menyampaikan maklumat kepada pribumi yang lain tanpa disedari bangsa lain yang tidak memahami aspek halus bahasa tersebut. Ini merupakan satu aspek kreativiti yang menjana pemikiran.

⁶ Kertas kerja bertajuk “Moral Dan Kreativiti Dalam Perspektif Sejarah Sastera”

⁷ Kertas kerja bertajuk “Melihat Peradaban Dan Tamadun Dalam Novel Melayu Moden”

Prof. Madya Dr. Sahlan bin Mohd. Saman & Dr. Harun Mat Piah (Malaysia) dalam kertas kerja “Kreativiti dan Kebahasaan Puisi Melayu Moden dan Tradisi” memberikan pandangan mengenai kreativiti moden dan tradisional.

Dr Harun Mat Piah mengungkap kreativiti sastera tradisional sebagai melewati dunia keilmuan. Dalam peribahasa, misalnya, terdapat banyak ilmu mengikut bidang seperti undang-undang, peraturan perkahwinan, hubungan kekeluargaan, konsep semenda, konsep alam, fungsi teka-teki, perubatan, dan penamaan bahan ubat-ubatan (sains). Ini membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu menjadi landasan kepada ilmu-ilmu lain.

Menurut beliau, estetik dan keindahan sebenarnya tidak pernah terfikir oleh para pencipta kerana hanya ada jiwa dalam puisi iaitu menghasilkan yang terbaik dan tidak janggal. Proses ini akhirnya melahirkan keindahan dalam puisi itu. Namun demikian, wujud hakikat untuk menggunakan bahasa yang baik dan indah tetapi ia bukan satu kriteria bagi penciptaan kerana sering berlaku secara tidak langsung.

Prof. Madya Dr. Sahlan bin Mohd. Saman pula merakamkan bahawa kreativiti puisi-puisi moden berubah mengikut zaman. Pada zaman awal ia bersifat romantisme dengan mementingkan unsur-unsur lampaucitra. Puisi Melayu lama lebih akrab alam. Puisi baru juga sedemikian tetapi mempunyai unsur pertanggungjawaban. Terdapat pengakraban penyair dengan alam dan sejarah diri serta hal-hal peribadi. Kreativiti peringkat ini berbeza daripada karya yang diterbitkan di Eropah. Ciri *Divine Madness* tidak terjadi dalam puisi Melayu kerana kesemuanya ditulis dalam kesedaran dan dipertanggungjawabkan walaupun kemudiannya terdapat beberapa usaha yang cuba membuat pembaharuan dengan menyerapkan diri dengan semangat yang akhirnya membawa kepada *trance*. Namun demikian, ini hanya berlaku dalam persembahan bukan proses penciptaan karya. Satu proses penciptaan yang menarik dilakukan oleh Zain Kasturi bersifat *cross-cultural* yang boleh membawa kepada kerjasama serumpun.

Beliau juga menjelaskan bahawa estetika boleh didapati daripada lima deria, pengalaman dan pengetahuan pembacaan yang luas; serta ideologi. Ini menjelaskan mengapa estetika itu bukanlah sesuatu yang bebas kerana ia juga terangkum dalam beberapa nilai yang perlu dipertanggungjawabkan.

Dr. R. Kunjana Rahardi, M.Hum⁸ (Indonesia) mengatakan bahawa dinamika bahasa di Indonesia bersifat dua hala iaitu regresif kerana masyarakat pengguna tidak bangga akan bahasanya atau dinamis kerana masyarakat suka mengembangkannya. Kesannya, bahasa-bahasa daerah Indonesia semakin mundur kerana bahasa Indonesia diutamakan. Orang muda sudah tidak lagi fasih berbahasa Jawa. Sering berlaku pertukaran kod kepada bahasa Indonesia. Sebaliknya, bahasa Melayu dialek Jakarta digunakan dengan meluas. Penyiar radio yang jauh dari Jakarta juga menggunakan bahasa Jakarta kerana prestij dan trend. Kreativiti seharusnya bersifat generatif kerana sesuatu yang dianggap tidak relevan kini, berpotensi digunakan kelak.

Karyawan di Indonesia mementingkan estetik dan ketidaklangsungan. Ini berlandaskan kepada prinsip jenaka yang membawa kepada kreativiti, seperti dalam contoh; “Gajah mati tinggalkan gading; Telefon mati tinggalkan degedeng.”

⁸ Kertas kerja bertajuk “Komunikasi Jenaka Sebagai Manifestasi Kreativitas.”

Prof. Emeritus Dato' Dr Asmah Haji Omar memberikan ulasan mengenai kajian beliau tentang 'humor'. Beliau menjelaskan bahawa terdapat beberapa tafsiran mengenai humor. 'Makar' bagi orang Kedah adalah humor. Melawak dalam Semenanjung ialah jenaka biasa seperti *slapstick* humor iaitu tiada kecinggihan. Humor berperingkat iaitu dari yang paling halus kepada yang paling kasar. Di Kedah terdapat *lobelak*, *kelolo*, *candiak* dan *perli*. Candiak lebih tajam daripada perli. Beliau menyatakan bahawa mantan PM Malaysia, Dr Mahathir Mohamad menggunakan banyak candiak dan perli dalam ucapan-ucapan beliau. Menurut beliau, orang Filipina mempunyai banyak humor kerana negara mereka kerap dilanda malapetaka sepanjang tahun. Maka humor amat penting bagi mereka sebagai unsur *escapism* dan telah dibudayakan. Beliau juga menyentuh mengenai penduduk Kedah yang juga suka berhumor kerana sejarah negara tersebut yang sering dilanda kesusahan seperti terbayang dalam hikayat 'Merong Mahawangsa.'

Awang Haji Azmi bin Abdullah⁹ (Brunei Darussalam) melihat perspektif sesuatu bangsa terhadap fenomena, realiti alami, konsep, falsafah, idea, logika dan norma berbeza-beza. Kreativiti yang berbeza antara bangsa berlainan ini, secara tidak langsung dijana melalui bahasa bangsa berkenaan. Di samping itu, kreativiti berkenaan boleh berkaitan secara langsung dengan bahasa atau budaya dan ini termasuk kreativiti dalam morfologi yang membabitkan akronim seperti yang berlaku kini. Perkara itu dapat dilihat dengan kehadiran sesetengah singkatan yang cuba diusahakan sebagai akronim seperti singkatan PC (komputer peribadi) menjadi 'pisi' atau LPG (gas petroleum cecair) menjadi 'elpiji'. Kreativiti dalam budaya boleh dilihat lewat figuratif dalam bahasa seperti 'berakit-rakit ke hulu, berenang-renang kemudian' yang boleh berubah kepada 'berjoging-joging dulu, berjalan-jalan kemudian', disesuaikan dengan persekitaran semasa sehingga anak muda menerimanya.

Dr. Haji Morsidi bin Haji Muhamad¹⁰ (Brunei Darussalam) menjelaskan perlunya diambil contoh daripada lambang kemegahan sesuatu bangsa. Dalam konteks Brunei, misalnya, perlu ikut jejak Bolkuah yang berjaya meluaskan kerajaan Brunei sampai ke Solo. Beliau menjelaskan tentang konsep patriotisme yang terdapat dalam sajak-sajak Brunei hasil ciptaan golongan guru. Maka konsep patriotisme itu perlu dinilai daripada perspektif kreativiti bangsa agar sejajar dengan perkembangan semasa.

Pendidikan

Dr. Hajah Dayang Fatimah bin Haji Chuchu¹¹ (Brunei Darussalam) menerangkan kreativiti bangsa di kawasan geo-politik Asean yang memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, dapat dijana dengan menggembleng usaha pendidik secara menyeluruh dan berterusan. Bagi membolehkan pelajar mengembangkan daya fikir mereka, guru hendaklah berupaya merangsang mereka mengambil bahagian dengan cergas dan menyediakan alat bantu mengajar bagi melatih sesuatu kemahiran.

Sdr Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz¹² (Singapura) menganggap pemikiran kritikal merupakan satu aspek penting dalam menjana kreativiti bangsa. Bangsa yang kurang kritikal akan keadaan sekeliling dan perkembangan dunia akan ketinggalan dan terus daif. Maka pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Nusantara harus disesuaikan agar lebih dinamik dan berpotensi digunakan untuk meningkatkan maruah bangsa dan negara. Dalam melahirkan

⁹ Kertas kerja bertajuk "Penjanaan Kreativiti Bangsa Melalui Bahasa."

¹⁰ Kertas kerja bertajuk "Patriotisme dalam Puisi Moden Brunei Sebelum Merdeka : Ekspresi Lima Penyair Guru."

¹¹ Kertas kerja bertajuk "Penjanaan Kreativiti Bangsa Melalui Bahasa : Satu Perspektif."

¹² Kertas kerja bertajuk "Mungkin Penjanaan Kreativiti Bangsa Dalam Bahasa."

sifat kritikal ini, beberapa nilai perlu disemai iaitu 'memberontak', 'rational', 'realistik', 'pengalaman' dan 'budaya'. Perlu adanya penerapan unsur-unsur tersebut dalam kurikulum sekolah.

Beliau juga menekankan kepentingan adanya simbiosis bumi Nusantara agar dapat saling memanfaatkan kelebihan masing-masing terutama sekali dalam dasar bahasa dan kepimpinan memandangkan negara-negara seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei kini semakin bergerak selaras dengan perancangan politik dan bahasa di Singapura. Maka pengalaman Singapura sebaiknya dijadikan pedoman dalam pergerakan tersebut. Saudara Pitchay juga mempersoalkan tentang prestasi lemah MABBIM/MASTERA yang sampai hari ini belum lagi menghasilkan penerima NOBEL PRIZE bagi karya Nusantara mahupun para pakar dalam bidang-bidang di luar bahasa dan sastera.

Merujuk kepada soalan Dr Mataim dari Brunei mengenai cara meningkatkan prestasi negara Brunei Darussalam yang dianggap sebagai masih ketinggalan dalam penghasilan pakar dan persuratan bermutu, Sdr Pitchay menjelaskan bahawa negara Brunei harus mengikut contoh Singapura yang sanggup melakukan perubahan-perubahan drastik demi memastikan kemajuan negara dan rakyat pada masa depan. Perancangan dan tindakan awal dapat memastikan negara bersedia menghadapi sebarang fenomena kerana telah sedia ada pakar dan kreativiti bermutu.

Dr Awang Sariyan bersetuju bahawa perlu ada simbiosis antara negara-negara ASEAN dalam usaha meningkatkan prestasi bangsa dan negara. Beliau menekankan kepentingan berfikiran di luar konvensi agar idea yang ada tidak lapok dan lebih relevan dengan keperluan zaman. Beliau juga bersetuju bahawa perlu ada semacam tekanan dalam menjana kreativiti bangsa. Bangsa yang kritikal akan meningkatkan lagi mutu bahasa dan bangsa tersebut.

Dr. Murti Bunanta, S.S, M.A.¹³ (Indonesia) menjelaskan bahawa kreativiti perlu ditanamkan dalam diri anak-anak sejak awal lagi. Maka kita perlu kreatif dalam merancang program-program yang menggalakkan anak-anak berfikir dan ingin mencari sebab-musabab berlakunya sesuatu. Maka untuk menggalakkan anak itu membaca, kita perlu tunjukkan buku itu kepadanya dahulu untuk menimbulkan minat. Perlu ada usaha padu antara buku, pencerita dan program sastera.

Rumusan Seminar Bahasa dan Sastera 2004¹⁴

Umum

1. Kreativiti bangsa perlu digarap dalam acuan sendiri dengan mengambil kira kekuatan dalaman yang ada supaya ciri-ciri murni yang menjadi prasyarat untuk berkarya secara kreatif, umpamanya kebebasan berfikir, tidak pula memunculkan kelainan dan kejanggalan yang kontroversial dan memudaratkan bangsa. Pemupukan, peningkatan dan penerokaan dalam semua cabang ilmu sastera tradisional dan moden, melalui penyelidikan perlu, oleh itu dana secukupnya perlu disediakan.
2. Kreativiti, selain dinilai dari sudut estetika, perlu juga dilihat dari segi ilmu dan nilai kritis wacana persuratan Melayu/Indonesia kerana segi ini juga merupakan unsur kreativiti.

¹³ Kertas kerja bertajuk "Membuka Jalan Bagi Anak Untuk Gemar Membaca Dan Menjadi Kreatif Program Sastera, Guru Yang Entusias, Dan Buku Yang Berkualiti."

¹⁴ Rumusan persidangan MABBIM/MASTERA terhadap semua kertas kerja yang dibentangkan.